

19/08/2001

Cendekiawan Melayu bincang isu pendidikan semasa

BEBERAPA tokoh cendekiawan Melayu akan mengambil bahagian pada Kongres Pendidikan Melayu Pertama di ibu negara pada 1 dan 2 September depan bagi membincangkan isu pendidikan semasa termasuk meningkatkan prestasi anak Melayu dalam pendidikan.

Pengerusi Jawatankuasa Promosi dan Seranta kongres, Dr Alias Mohamed, berkata kongres yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu dijangka dihadiri kira-kira 3,000 peserta.

Katanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir dijangka merasmikan kongres itu manakala penaungnya, Tengku Razaleigh Hamzah akan melakukan majlis penutupan, keesokan harinya.

Kongres anjuran Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat dengan kerjasama tokoh dan cendekiawan Melayu memang penting kerana pencapaian pelajar Melayu pada amnya belum mencapai tahap yang membanggakan.

Katanya, jika diunjurkan 10 hingga 15 tahun akan datang, kelemahan ini jika tidak diatasi menimbulkan kebimbangan penyertaan orang Melayu dalam bidang ekonomi, perindustrian dan profesion penting lain.

Antara pembentang kertas kerja termasuk Presiden Universiti Tun Abdul Raak (Unitar), Prof Syed Othman Alhabshi mengenai Dasar dan Pelaksanaan Dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan, Ketua Pengarah Mara, Datuk Mydin Mohd Sheriff mengenai Pendidikan Vokasional dan Teknikal untuk Melahirkan Tenaga Kerja Mahir dan Separa Mahir manakala Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Dr Ismail Mohd Salleh akan menyentuh Pendidikan Tinggi Dalam Melahirkan Sumber Tenaga Manusia.

Presiden Kolej Islam Darul Ehsan, Dr Zainuddin Jaafar akan menyentuh mengenai Pendidikan Agama dan Pembangunan insan, bekas Dekan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Prof Dr Isahak Harom akan bercakap mengenai Prestasi Pelajar Melayu manakala Dekan Fakulti Ilmu Kemanusiaan dan Sains Sosial Unitar, Prof Datuk Ibrahim Bajunid memperkatakan mengenai Memartabatkan Profesion Perguruan.

Dr Alias berkata, peserta perseorangan dikenakan bayaran RM50 manakala peserta jabatan kerajaan dikenakan RM30 dan bayaran untuk pelajar RM20.

Pendaftaran masih dibuka dan maklumat lanjut boleh hubungi Urusetia Kongres Pendidikan Melayu Pertama, Tingkat 4, Bangunan KGMMB, 720, Jalan Sentul, 51000, Kuala Lumpur dan telefonnya 03 - 40411723.

(END)